

# Kadar bunga tinggi boleh jerat penghutang



27 Jul 2014

ADLI YASHIR KUCHIT

PENGGUNA perlu berwaspada, sekalipun mendapatkan pinjaman daripada pemiutang wang berlesen kerana kadar bunga tinggi yang mereka kenakan.

Mereka yang melengahkan bayaran pinjaman boleh dibelenggu kos bunga yang jumlahnya boleh melebihi jumlah pokok yang dipinjam.

Firma pemiutang wang berlesen juga boleh mengenakan pelbagai bayaran tambahan jika penghutang gagal memenuhi syarat pinjaman atau lewat melunaskan pinjaman.

Semua ini boleh menambah beban kewangan penghutang, lebih-lebih lagi yang berpendapatan rendah.

Demikian nasihat seorang penasihat kewangan, Encik Sani Hamid, ketika diminta mengulas tentang masalah yang dihadapi sebilangan orang yang meminjam daripada pemiutang berlesen.

"Ramai penghutang tidak menyedari bahawa kos pinjaman daripada pemiutang berlesen bukan rendah. Ramai menyangka meminjam daripada pemiutang berlesen memberi mereka jalan keluar daripada masalah kewangan mereka.

"Sebenarnya, jika penghutang tidak berwaspada, mereka boleh terjerumus ke dalam lingkaran hutang keliling pinggang," kata Encik Sani, pengarah (ekonomi dan strategi pasaran) firma penasihat kewangan Financial Alliance.

Sejak setahun lalu, beliau menyumbang kepakaran menjadi penasihat Pusat Penasihat Hutang (DAC) kendalian Angkatan Karyawan Islam (AMP) yang bertujuan membantu individu agar bebas hutang.

Berdasarkan pengalamannya, beliau berkata kos sebenar pinjaman daripada pemiutang berlesen adalah tinggi - sekitar 240 peratus setahun.

"Kami juga pernah melihat kontrak pinjaman yang mengenakan kadar bunga sehingga 1,000 peratus setahun. Biar pun demikian, akibat terdesak, ramai membuat pinjaman tanpa meneliti kos sebenar," ujar beliau.

Menurut Encik Sani, ramai juga penghutang terus dibelenggu hutang kerana lewat melunaskan pinjaman.

"Ada firma mengenakan bayaran penalti sebanyak \$2,400 setiap kali penghutang lewat membayar ansuran pinjaman," katanya.

Ada firma pula menetapkan pinjaman mesti dibayar secara mingguan, dan penghutang yang tidak dapat memenuhi tututan itu akan dikenakan penalti.

"Disebabkan itu, ramai terpaksa membuat pinjaman baru daripada pemiutang lain bagi melunas pinjaman asal, dan kitaran ini akan menjebak penghutang ke dalam lingkaran hutang," kata Encik Sani.

Oleh itu, Encik Sani mengalu-alukan langkah Kementerian Undang-Undang menetapkan kadar dan jenis bayaran tambahan yang boleh dikenakan pemiutang berlesen.

"Namun, penguatkuasaan lebih ketat perlu dilaksana, khususnya ke atas firma yang menggunakan taktik kasar, seperti yang dilakukan tailong, untuk mendapatkan bayaran daripada penghutang," kata beliau.

Bagi mereka yang telah membuat pinjaman, Encik Sani menasihatkan agar peminjam menepati jadual bayaran pinjaman.

"Elak daripada meminjam dari pemiutang yang berlainan.

Jika anda mendapati 50 peratus pendapatan anda digunakan untuk membayar pinjaman, anda tergolong dalam peminjam berisiko tinggi yang perlukan bantuan.

"Andainya anda tidak mendapatkan bantuan untuk mengurangkan beban hutang anda boleh hadapi keadaan di mana 100 peratus pendapatan anda pergi kepada bayaran pinjaman," kata Encik Sani.

Mereka yang menghadapi masalah dinasihatkan mendapatkan bantuan di DAC.

---

## **NASIHAT CELIK WANG**

Sebelum meminjam, pertimbang alternatif lain, seperti skim bantuan kewangan yang ditawarkan pelbagai agensi pemerintah.

Timbangkan apakah anda berupaya mematuhi syarat-syarat kontrak pinjaman, dengan mengambil kira pendapatan dan komitmen kewangan anda.

Pastikan anda memahami sepenuhnya syarat-syarat kontrak, khususnya jadual pembayaran balik, kadar faedah yang dikenakan dan bayaran berkaitan lain.

Bayaran ansuran pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan. Jika terlewat, rundingkan dengan firma pemiutang wang untuk dapatkan kelepasan.

Dapatkan jumlah pinjaman berdasarkan perbelanjaan yang diperlukan dan pastikan anda mampu membayar balik pinjaman.

Andainya anda gagal memenuhi kontrak pinjaman, anda boleh dikenakan bayaran tambahan dan bayaran faedah lewat. Ini boleh menambah beban kewangan kepada anda dan keluarga.

Usah terburu-buru mendapatkan pinjaman, bandingkan kadar faedah yang ditawarkan pelbagai pemiutang wang berlesen.

# Hutang keliling pinggang dek lewat bayar

27 Jul 2014

Berita Harian

AKIBAT diserang barah buah dada, ibu dua anak, Cik Fatimah (bukan nama sebenar), terpaksa berhenti bekerja sebagai pekerja pembersihan.

Bak sudah jatuh ditimpa tangga, kehidupannya semakin sukar apabila suaminya pula menghidap penyakit jantung dan terpaksa menjalani pembedahan.

Akibat kesempitan wang, wanita berusia 54 tahun itu meminjam wang daripada pemiutang berlesen.

Pada awalnya, beliau berdaya menjelaskan bayaran ansurans pinjaman itu. Namun, akibat kadar bunga tinggi, beliau menghadapi masalah memenuhi kontrak pinjaman.

Malangnya, beliau mengambil jalan mudah bagi 'menyelesaikan masalahnya' dengan mendapatkan pinjaman daripada firma lain.

Dalam masa empat bulan, beliau mendapatkan pinjaman sebanyak \$5,000 daripada 10 pemiutang berlesen.

Akhirnya, Cik Fatimah dibelenggu hutang keliling pinggang.

Dek membayar hutang dan penalti yang dikenakan, simpanan keluarganya merosot sedikit demi sedikit dan akhirnya pupus.

Tidak lama selepas itu, bil elektrik dan air mereka pula mula tertunggak.

Kehidupan keluarga Cik Fatimah terus bertambah buruk apabila pemiutang menggunakan taktik kasar bagi mendapatkan semula wang mereka.

Akhirnya, Cik Fatimah mengambil keputusan mendapatkan bantuan Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) dan Pusat Nasihat Hutang (DAC) kendalian Angkatan Karyawan Islam (AMP)

Hasil bantuan agensi pemerintah serta nasihat DAC, Cik Fatimah berjaya melunaskan hutangnya dengan empat firma pemiutang.

DAC sedang membantu beliau melunaskan baki hutangnya.

Mereka yang ingin mendapatkan bantuan dari DAC boleh menghubungi talian 6416-3960.

Pusat itu juga menanjurkan sesi sokongan berkumpulan selama dua jam, setiap Sabtu mulai 10 pagi.

Maklumat lanjut tentang program yang dianjurkan boleh didapati dengan menghubungi Cik Nur Azraini di talian 6416-1429 atau e-mel [nurazraini@amp.org.sg](mailto:nurazraini@amp.org.sg); atau Encik Saiful Nizam di talian 6517-4981 atau e-mel [saiful@amp.org.sg](mailto:saiful@amp.org.sg).